

MENJAHARKAN (MENGUATKAN) LAFAZ AMIN SELEPAS BACAAN SURAH AL-FATIAH

Antara perkara yang sunat di dalam solat adalah mengucapkan lafaz *Amin* dengan *jahar* (kuat) selepas membaca al-Fatihah untuk solat-solat yang *dijaharkan* (Solat Subuh, Maghrib dan Isyak) sama ada solat-solat tersebut dilaksanakan secara berjemaah atau bersendirian (*munfarid*).

Bagi seorang imam (ketika solat berjemaah), dalil disunatkan untuk *menjaharkan* (menguatkan) *Amin* ini untuk solat-solat yang *dijaharkan* adalah hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu* katanya:.

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا تَلَا (غَيْرَ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ) قَالَ: آمِينَ. حَتَّى يَسْمَعَ مَنْ يَلِيهِ
مِنَ الصَّفِّ الْأَوَّلِ

Maksudnya: “Apabila Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam membaca (غَيْرَ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ) Baginda berkata Amin sehingga terdengar oleh orang yang berada dalam saf yang pertama (di belakang Baginda).”

(Hadis Riwayat Abu Daud, no. 934)

Bagi makmum pula, disunatkan untuk melafazkan ucapan *Amin* bersama-sama imam selepas imam membaca surah al-Fatihah untuk solat-solat yang *dijaharkan*. Malah, hukum melafazkan ucapan *Amin* ini juga disunatkan kepada makmum sekiranya makmum tidak mendengar imam mengucapkannya atau sememangnya imam tidak mengucapkannya. Dalilnya adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu* bahawa Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

إِذَا أَمَّنَ الْإِمَامُ فَأَمِّنُوا فَإِنَّهُ مَنْ وَافَقَ تَأْمِينَهُ تَأْمِينَ الْمَلَائِكَةِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: “Apabila imam mengucapkan Amin, maka ucapkanlah Amin, kerana sesiapa yang ucapannya Amin bertepatan dengan Amin para malaikat, diampunkan baginya dosa yang telah lalu.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 780, Muslim, no. 410)

Selain melafazkan ucapan *Amin*, makmum turut disunatkan juga untuk *menjaharkannya* (menguatkan) ucapan *Amin* bersama-sama dengan imam. Hal ini diambil daripada kata-kata Imam al-Bukhari dalam sahihnya iaitu:

قَالَ عَطَاءٌ: آمِينَ دُعَاءُ أَمِّنَ ابْنِ الزُّبَيْرِ وَمَنْ وَرَاءَهُ حَتَّى إِنَّ لِلْمَسْجِدِ لِلْجَنَّةِ

Maksudnya: "Aṭha' berkata: "Amin adalah satu bentuk doa. Ibnu az-Zubair dan para makmum di belakangnya menyaringkan suara pada sebutan amin mengucapkannya, sehingga bergemalah suara di dalam masjid."

Oleh yang demikian, menjaharkan (menguatkan) suara bagi imam dan makmum ketika menyebut lafaz *Amin* selepas membaca al-Fatihah adalah dianjurkan dan digalakkan dalam solat berjemaah. Hal ini kerana menjaharkan (menguatkan) suara ketika menyebut *Amin* bukan sahaja disunatkan malah mempunyai rahsia yang sangat besar kepada kekuatan umat ini. Kelebihan tersebut ada dinyatakan di dalam sabda Nabi *Sallallahu 'alahi wasallam* yang diriwayatkan oleh Saidatina 'Aisyah *Radhiallahu 'anha* katanya:

مَا حَسَدْتَكُمْ الْيَهُودَ عَلَى شَيْءٍ مَا حَسَدْتَكُمْ عَلَى السَّلَامِ وَالتَّأْمِينِ

Maksudnya: "Orang-orang Yahudi tidak dengki terhadap kamu pada sesuatu perkara sepertimana kedengkiannya mereka terhadap kamu pada ucapan salam dan amin."

(Hadis Riwayat Ibnu Majah, no. 856)

Seperti yang diketahui, golongan Yahudi sangat menaruh perasaan hasad dengki terhadap keutamaan dan keistimewaan yang telah Allah *Subhanahu wata'ala* kurniakan kepada umat Islam berbanding mereka dan antara kelebihan tersebut adalah ucapan *Amin*. Justeru, sebagai umat Islam, marilah kita semua menghargainya dengan merebut peluang untuk menjaharkan (menguatkan) suara apabila menyebutnya. Semoga kita semua termasuk dalam golongan umat Islam yang mendapat kebaikan daripada kurniaan yang istimewa daripada Allah *Subhanahu wata'ala* ini.

جَابِرٌ مُّفْتِي سَرَاوَقِ
JABATAN MUFTI SARAWAK